



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : PTG/WP.DFTR.600-3/1/1
jld.8 (33)
Tarikh : 6 Disember 2024

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI PENGOPERASIAN KAUNTER PEJABAT PENGARAH TANAH
DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN SECARA SEPARUH HARI PADA 31 DISEMBER
2024 (SELASA)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa pengoperasian Kaunter Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) akan beroperasi sehingga jam 12.00 tengah hari pada 31 Disember 2024 (Selasa) sahaja dengan melibatkan PPTGWP Kuala Lumpur, PPTGWP Putrajaya dan PPTGWP Labuan bagi kerja – kerja penyelarasan akaun tahun 2024. Sehubungan dengan itu, sebarang urusan perserahan dinasihatkan untuk dijadualkan dengan baik dan teratur bagi mengelakkan sebarang kelewatan dan kesesakan di kaunter pada minit – minit terakhir.
- Meskipun sedemikian, sebarang urusan melalui Portal Awam e-Tanah Wilayah Persekutuan dan Portal Rasmi PPTGWP melibatkan urusan di PPTGWP Kuala Lumpur, PPTGWP Putrajaya dan PPTGWP Labuan masih boleh diakses dan dilaksanakan secara atas talian.
- Selaras dengan pemakluman ini, kerjasama YBhg. Datuk, Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk turut memanjangkan pemakluman di atas kepada firma guaman untuk perhatian mereka jua.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

ROZAINI BIN ROSLEY

b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Wilayah Persekutuan

SENARAI EDARAN

1. **BADAN PEGUAM MALAYSIA**
No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

2. **JAWATANKUASA PEGUAM KUALA LUMPUR**
4th Floor
Wisma Hangsam
No. 1, Jalan Hang Lekir
50000 Kuala Lumpur

3. **JAWATANKUASA PEGUAM SELANGOR**
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan